

29/02/2004

Pilihan raya: Dosa dan pahala, syurga dan neraka

Noor Azam

PEMILU INDONESIA JAUH LEBIH MENARIK DARIPADA MALAYSIA, THAILAND DAN FILIPINA

MAKA sampailah sudah masa untuk memulakan temasya agung politik yang ditunggu-tunggu. Saat dan ketika saja yang belum diumumkan. Mengapa masih dirahsiakan kita tidak tahu. Menjadikan ramai yang duduk tak senang, makan tak berselera. Nak tahu siapa yang dapat jadi calon? Dapatkah Pas mempertahankan kedudukannya atau menambah kerusi? Sejauh mana Jeneral-Jeneral dan Datuk-Datuk pesara tua yang sudah pakai kopiah putih, dapat membantu Pas?

Di samping kita, tiga negara tetangga - Indonesia, Thailand dan Filipina - juga akan mengadakan pilihan raya umum dalam masa yang hampir-hampir sama.

Yang paling menarik dan jadi tumpuan banyak negara ialah Indonesia - apa saja bisa terjadi. 24 parti - kebanyakan baru - akan mengemukakan calon yang dijangka mencapai 475,000 orang untuk merebut kerusi Dewan Perwakilan Rakyat peringkat pusat dan wilayah. Seramai 3.5 juta kakitangan dan satu juta pegawai keselamatan diperlukan untuk mengendalikan 143 juta pengundi dengan hampir 2,000 kawasan pemilihan.

Di samping itu, negara yang baru mencuba sistem demokrasi ini, untuk pertama kalinya akan mengadakan pengundian terus memilih Presiden dan Timbalannya. Dan tiga puteri Soekarno - Megawati, Sukmawati dan Rachmawati - dan seorang puteri Soeharto akan bersaing bersama beberapa calon lelaki untuk merebut kerusi Presiden negara yang punya 240 juta rakyat yang tersebar di ratusan pulau.

Tidak ada sebuah parti yang cukup kuat untuk mendapat majoriti bagi membentuk kerajaan. Jika dua parti terbesar - PDIP pimpinan Megawati dan Golkar pimpinan Akhbar Tanjung - tidak dapat bergabung, sebuah kerajaan yang kuat tidak akan dapat diwujudkan. Jika ini terjadi, keadaan politik yang tidak stabil semenjak jatuhnya kerajaan pimpinan Soeharto, akan terus berpanjangan sehingga pilihan raya akan datang.

Demikianlah sedikit fakta yang menjadikan pilihan raya Indonesia kali ini amat menarik perhatian pelbagai pihak. Belum lagi dilihat aspek-aspek yang lain, isu dan kempen serta peranan media yang sekarang cukup bebas menyiarkan apa saja. Rakyat pun merasakan bahawa kali ini mereka akan betul-betul bebas membuat pilihan, tanpa sebarang tekanan. Kali ini betul-betul pilihan raya yang bebas. Tetapi ramai yang mengaku masih dalam keadaan "bengung".

ANGIN SUDAH REDA. BARISAN ALTERNATIF TIDAK BERDAYA LAGI JADI ALTERNATIF

TUJUAN utama pilihan raya umum adalah untuk menentukan parti mana yang akan memerintah dan siapa akan jadi Presiden atau Perdana Menteri. Juga untuk melihat sebesar manakah dokongan rakyat kepada parti pemerintah dan parti pembangkang. Kedua keputusan ini akan menentukan kekuatan kerajaan, masa depan negara dan kehidupan rakyat.

Di negara kita, kali ini - tidak seperti pilihan raya 1999 - tujuan utama ini tidak begitu menarik perhatian. Tanda-tanda politik dan ekonomi jelas menunjukkan BN sudah pasti akan kembali mendapat mandat yang besar. Gabungan atau kerjasama politik parti-parti pembangkang yang pernah digembar gemburkan sebagai Barisan Alternatif nampaknya tidak berdaya untuk menjadi alternatif kepada Barisan Nasional. Yang masih tinggal utuh hanya Pas saja.

Oleh kerana Pas hanya kuat dengan undi Melayu, berbagai-bagai usaha

dilakukan untuk menarik pengundi Cina. Maka persaingan Pas-Umno ini lebih banyak menguntungkan rakyat keturunan Cina dan India. Maka terjunlah Luncai dengan labu-labunya!

Dasar BN sudah jelas dan bakal Perdana Menteri pun sudah diketahui. Dasar dan cara pentadbiran dan setail politiknya pun sudah terserlah semenjak beliau mengambil alih kuasa empat bulan lalu.

Peralihan kuasa secara teratur yang dilakukan oleh Tun Dr Mahathir beberapa bulan sebelum waktu pilihan raya, banyak sekali membantu Datuk Seri Abdullah dan BN. Juga memudahkan rakyat membuat pilihan.

Persaingan sengit hanya akan berlaku di kawasan dominasi Melayu - terutama di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Persaingan antara Umno dan Pas. Empat negeri inilah yang akan jadi tumpuan perhatian pada pilihan raya ke-11 ini.

Yang selalu ditanya: Apakah Umno akan dapat menawan kembali Kelantan dan Terengganu dan mempertahankan kedudukannya di Perlis dan Kedah?

Di Perlis, pimpinan Datuk Seri Shahidan nampak cukup mantap dan meyakinkan. Di Kedah, apakah Datuk Syed Razak dan Pak Lah dapat mengubati penyakit angin ahmar akibat salah tindakan pimpinan Umno yang lalu? Selepas pilihan raya lalu, Tan Sri Sanusi Junid secara terbuka mengaku mengambil tanggungjawab terhadap kekalahan besar di Kedah itu.

GAGASAN NEGARA ISLAM TAK BANYAK PENGARUH. HUJAH POLITIK BERSALUT AGAMA JADI PENENTU

Gagasan negara islam yang diumumkan pas tahun lalu, nampaknya tidak banyak mempengaruhi pemilihan pengundi. Rakyat umum belum begitu memikirkan sistem pemerintahan. Lagi pun sistem yang kita pakai selama hampir 50 tahun sudah diterima baik. Yang jadi isu dan perhatian ialah pelaksanaannya, bukan sistemnya.

Namun kekuatan Pas masih tetap bergantung kepada sejauh manakah ia dapat terus mempergunakan agama untuk mempengaruhi pengundi Melayu, terutama pengundi muda. Isu-isu lain hanya sebagai tambahan saja.

Bagi umat Melayu-Islam, agama bukan untuk difikirkan, tetapi adalah untuk diamalkan. Agama adalah suatu kepercayaan, suatu pegangan hidup yang berteraskan keimanan. Ia berkaitan dengan dosa dan pahala, syurga dan neraka. Inilah faktor utama yang akan banyak mempengaruhi pengundi Pas dan menentukan kemenangan atau kekalahannya.

Datuk Nik Aziz dengan tegas menyatakan, ia akan terus bertanding bukan untuk "mempertahankan kerusi, tetapi mempertahankan agama." Pas memperjuangkan agama, bukan kuasa. Itulah tema pokok kempen Pas.

Maka siapa yang tidak mengundi Pas, termasuklah dalam golongan yang tidak mempertahankan agama. Orang Islam yang tidak mahu mempertahankan agama, atau tidak menyokong parti yang hendak mempertahankan agama, bukan saja berdosa, tetapi juga boleh jadi murtad dan Yahudi. Dan apabila ucapan seperti ini datangnya daripada orang yang dipanggil "Tuan Guru" pastilah tidak boleh dimungkirkan lagi.

Bolehkah Umno mematahkan hujah politik yang bersalutkan agama seperti ini? Kepada ramai penyokong Pas, ia bukanlah hujah politik, tetapi suatu tuntutan agama yang wajib!

GABUNGAN PARTI POLITIK TERKUAT DALAM DUNIA. PALING PENTING

PERSAINGAN antara parti-parti yang pendokong utamanya daripada kaum Cina tidak akan hebat seperti masa lalu, kerana kehebatan DAP sudah luntur. MCA dan Gerakan nampak cukup padu dan mantap.

Keadilan semakin lemah. Asas kekuatannya: Isu Anwar-Mahathir semakin tawar. Ia pun akhirnya akan mengikuti jejak Semangat 46. Asas penubuhan kedua parti serpihan Umno ini, bukan ideologi atau matlamat perjuangan untuk rakyat, tetapi kerana persaingan individu.

Apa yang hendak diperjuangkan oleh pemimpin kedua parti serpihan itu, telah pun sama-sama mereka perjuangkan dalam Umno. Gabungan Keadilan

dengan Parti Rakyat tidak menambah apa-apa kekuatan. Akhirnya bagi yang terus ingin berpolitik, kepada Ummolah mereka kembali.

Barisan Nasional, gabungan parti politik yang mewakili setiap kaum dan agama negara ini telah diperkukuhkan oleh Tun Dr Mahathir menjadi suatu gabungan tenaga politik yang amat kuat, yang belum pernah wujud di negara demokrasi yang lain.

Jika gabungan ini pecah, negara kita - Malaysia - akan mengalami masalah politik serius yang berlarutan. Jika ia terus utuh dan dapat memenuhi kehendak rakyat umum, tidak akan ada parti yang dapat mengambil tempatnya. Kecuali dapat diwujudkan sebuah gabungan lain yang seumpamanya. Faktor paling penting ialah keutuhan parti Melayu sebagai teras.

Umno akan terus dapat mempertahankan dominasinya, dan akan dapat kembali majoriti dua pertiga di Kedah, jika semua pemimpin Umno - besar dan kecil - mengutamakan kepentingan parti, bukan hajat peribadi. Jangan ada duri dalam daging.

Jika sikap dan keazaman ini jadi pegangan, Pas di Terengganu dan Kelantan pun akan tergugat. Keutuhan kuasa politik pribumi terus terjamin.

Setiap kali pilihan raya, penyakit dalamanlah yang memporak-poranda dan menewaskan Umno. Kedudukannya sebagai parti teras boleh tergugat. Semua orang Umno tahu. Tepuk dada, tanya selera. Nafsulah musuh utama yang selalu menewaskan kita. Nafsu membuat kita tidak waras dan hilang perhitungan.

(No. 86, Jalan SS22/32, Damansara Jaya, Selangor - Jumaat 27 Februari 04).